KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA
UNGKU OMAR

IKTSS

ISSN: 2289-9324/E-ISSN: 2716-6848

JURNAL KEJURUTERAAN, TEKNOLOGI DAN SAINS SOSIAL

[JOURNAL OF ENGINEERING, TECHNOLOGY & SOCIAL SCIENCES]

VOLUME 10 ISSUE 1, 2024

UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KOMERSILAN
POLITEKNIK UNGKU OMAR
31400 IPOH, PERAK
1-300-88-1969 / 05-545 7622| FAKS 05-5471162
www.puo.edu.my

JURNAL KEJURUTERAAN, TEKNOLOGI DAN SAINS SOSIAL
VOL. 10 ISSUE 1 JUNE 2024
e-ISSN: 2716-6848

For further information on the publications, please contact:

Pn. Siti Zaharah Setapa
Dr. Noratikah Zawani Binti Mahabob
Dr.-Ing. Rosmawati Mat Jihin

Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersilan
Politeknik Ungku Omar
Jalan Raja Musa Mahadi
31400 Ipoh, Perak
Email: editor.jktss@puo.edu.my

eISSN 2716-6848
9 772716 684003

Diterbitkan oleh/Published by:
Politeknik Ungku Omar
Jalan Raja Musa Mahadi
31350, Ipoh
Perak

https://www.puo.edu.my/webportal/overview/

JURNAL KEJURUTERAAN, TEKNOLOGI DAN SAINS SOSIAL
VOL. 10 ISSUE 1 JUNE 2024
e-ISSN: 2716-6848

EDITORIAL BOARD MEMBERS

REVIEWER

JURNAL KEJURUTERAAN, TEKNOLOGI DAN SAINS SOSIAL
VOL. 10 ISSUE 1 JUNE 2024
e-ISSN: 2716-6848

TABLE OF CONTENTS

MENGKAJI KADAR PENCAHAYAAN DI KOMPLEKS SUKAN JABATAN SUKAN KOKURIKULUM DAN KEBUDAYAAN, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

Rudy Harahap Mohd Ali Baba[1], Abdul Hadi Abdullah[2] and Mohd Hushshila Yusof [3]

[1]*Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun, Terengganu.*
[2,3]*Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun, Terengganu*

[1]*rudyharahap@psmza.edu.my*
[2]*abdul.hadi@psmza.edu.my*
[3]*m.hushshila@psmza.edu.my*

ARTICLE INFO

Article history:
Received
06 February 2024
Received in revised form
08 May 2024
Accepted
23 May 2024
Published online
15 June 2024

***Kata kunci**:*
pencahayaan; lux; keterangan cahaya

ABSTRAK

Berdasarkan kamus dewan, pencahayaan merujuk kepada jumlah fluks berkilau menuju ke permukaan per unit luas. Ia merupakan pengukuran keamatan cahaya tuju yang dicerap. Pencahayaan amatlah penting dan perlu dititik beratkan pada bangunan agar tiada ganguan terhadap keterangan cahaya ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menguji kadar pencahayaan di Kompleks Sukan Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan. Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. Hasil pengujian akan dianalisis berasaskan standard yang dikeluarkan oleh Chartered Institution of Building Services Engineers (CIBSE). Pengujian dijalankan dengan menggunakan alat penguji jumlah pencahayaan yang disukat dalam unit lux. Alatan pengujian yang digunakan adalah dari jenis Extech Light Meter (type 401026). Sistem pencahayaan di dalam bilik darjah perlu dipertimbangkan dengan sewajarnya dalam mereka bentuk bangunan dan pengurusan tenaga juga harus dioptimumkan. Penggunaan sistem pencahayaan yang buruk di sebabkan oleh rekabentuk lampu sedia ada tiddak mengikut spesifikasi standard yang dikeluarkan oleh CIBSE boleh menyebabkan produktiviti yang rendah, keselesaan dan juga menyebabkan pembaziran tenaga. Hasil kajian ini perlu dipanjangkan kepada Unit Pembangunan dan Penyelenggaraan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin untuk tujuan penambahbaikan. Penambahbaikkan yang dicadangkan adalah menambah lampu Philip LED T5 pada bahagian tepi setiap gelanggang.

1. Pengenalan

Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) ditubuhkan pada tahun 2001 yang dulunya dikenali sebagai Politeknik Dungun Terengganu. Kompleks sukan ini dilengkapi dengan tiga (3) gelanggang badminton dan 2 (dua) gelanggang sepak takraw bagi membolehkan pelajar dan kakitangan PSMZA menjalankan aktiviti sukan.

Rajah 1: Kedudukan Kompleks Sukan, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.

Pencahayaan amatlah penting dan perlu dititikberatkan pada bangunan ini agar tiada ganguan terhadap keterangan cahaya ketika aktiviti sukan badminton dijalankan. Gangguan seperti cahaya yang malap boleh menyebabkan aktiviti sukan ini terganggu seterusnya boleh menyebabkan ianya tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Berdasarkan kamus dewan, pencahayaan merujuk kepada jumlah *fluks* berkilau menuju ke permukaan per unit luas. Ia merupakan pengukuran keamatan cahaya tuju yang dicerap. Dalam unit terbitan SI, kedua-dua ini diukur menggunakan unit *lux (lx)* atau *lumen* per meter persegi (cd·sr·m-2) (Randall McMullan 2012).

Murujuk kepada Evi Puspita Dewi yang bertajuk Optimasi Desain Pencahayaan Ruang Kelas SMA Santa Maria Surabaya, (Dimensi Interior 2016). Sistem pencahayaan di dalam bilik darjah perlu dipertimbangkan dengan sewajarnya dalam mereka bentuk bangunan dan pengurusan tenaga juga harus dioptimumkan. Penggunaan sistem pencahayaan yang buruk menyebabkan produktiviti yang rendah, keselesaan dan juga menyebabkan pembaziran tenaga.

1.1 Tujuan Kajian

Kajian ilmiah ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui tahap pencahayaan di ruang gelanggang badminton dan sepak takraw di Kompleks Sukan, Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan PSMZA. Tujuan yang ingin dicapai adalah:
a)Untuk menguji kadar pencahayaan di ruang gelanggang badminton dan sepak takraw di Kompleks Sukan, Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan PSMZA.
b)Untuk menganalisis hasil ujian berdasarkan standard yang dikeluarkan oleh *Chartered Institution of Building Services Engineers (CIBSE).*

1.2 Pernyataan masalah.

Politeknik merupakan institusi yang melahirkan altet sukan negara. Kelengkapan dan fasiliti sukan yang baik diperlukan bagi melahirkan altet sukan politeknik yang cemerlang. Kelengkapan fasiliti yang kurang sempurna akan fasiliti akan menggangu prestasi pemain akan tergangu. Permainan badminton amat mementingkan faktor pencahayaan bagi membolehkan permainan dijalankan.

2. Kajian Terdahulu

Kekurangan pencahayaan akan menyebabkan isu kurang selesa dikalangan pemain. Berdasarkan tinjauan bersama wakil rakyat Luyang; Dr. Hiew Keng Chiew mendapati kedudukan lampu limpah ketika ini, sangat tidak selesa untuk para pemain, dan boleh mendatangkan masalah penglihatan dalam jangka masa panjang (Desmond Qwek Utusan Borneo 2017).

Kadar pencahayaan gelanggang perlu mengikut standart yang telah ditetapkan. Pengubahsuaian terhadap pencahayaan yang kurang adalah perlu untuk memastikan setiap sesi Latihan dan pertandingan sukan dapat berjalan dengan lancar. Pencahayaan lampu limpah Stadium Sultan Ismail Nasiruddin dinaik taraf. Kerajaan negeri Terengganu akan menaik taraf pencahayaan lampu limpah Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah di sini dari 800*lux* kepada 1,200*lux* untuk mengadakan perlawanan bola sepak (Bernama 2013).

3. Kaedah Kajian

Komplek sukan ini terbahagi kepada beberapa ruang iaitu, ruang gelanggang badminton dan sepak takraw, ruang bilik kebudayaan, ruang *indoor games*, ruang *squasy*, ruang tandas, ruang stor utama dan ruang bilik wataniah. Salah satu ruang di kompleks sukan ini terdiri daripada ruang gelanggang badminton dan sepak takraw. Ruang berukuran 128 meter panjang dan 22 meter lebar. Ruangan ini mempunyai bukaan sebanyak 2816m². Kajian ini adalah untuk menguji kadar pencahayaan buatan di dalam kompleks sukan berdasarkan standart yang di keluarkan oleh *Chartered Institution of Building Services Engineers (CIBSE*).

3.1 Pemeriksaan alatan pengujian.

Alat pengujian yang digunakan adalah *lux meter* iaitu alat untuk mendapatkan jumlah pencahayaan yang disukat dalam unit lux. *Lux meter* yang digunakan adalah dari jenis *Extech Light Meter (type 401026)*. Alat ini adalah alat yang telah dikenalpasti sebagai alat pengujian yang jitu dan mengikut standart yang dikeluarkan oleh SIRIM. Sebelum pengujian dilakukan, terlebih dahulu alat ini perlu menjalani pengujian penentukuran (*calibration*) bagi mendapatkan bacaan yang lebih tepat. Setiap kali sesi bacaan diambil, proses penentukuran akan dilakukan.

Lux meter ini mempunyai dua komponen utama iaitu bahagian meter bacaan dan sensor. Meter akan menunjukkan bacaan pencahayaan yang diperolehi. Manakala sensor pula berperanan untuk menyukat jumlah pencahayaan yang diterima dan dihantar ke meter. Sensor pada alat ini amat sensitif terhadap sebarang perubahan pencahayaan, oleh itu perlu dipastikan sensor ini tidak dihalang ketika kajian di setiap stesen dijalankan. Bacaan yang digunakan untuk menyukat pencahayaan ialah dalam unit *lux*.

Rajah 2: *Extech Light Meter (type 401026).*

3.2 Jenis Lampu.

Lampu yang digunakan pada Kompleks Sukan PSMZA ialah lampu *Light-emitting diode* (LED) jenis pandaflour T8 Philip (TL8 *Essential* 28W/8401SL/40) dengan kuasa sebanyak 20 *watt*. Lampu jenis ini menghasilkan suhu warna korelasi iaitu *Correlated Color Temperature* (CCT) sebanyak 6500 °K (cool daylight). Manakala nilai *fluks* minimum bagi lampu jenis ini adalah 2100 *lumen*. Pada ruangan bangunan ini, lampu ini di susun secara am iaitu secara grid

mendatar sebanyak 7 perumah padan setiap baris dengan setiap satunya dilengkapi dengan 4 batang lampu. Terdapat sebanyak 15 baris lampu lengkapan perumah bagi kumpulan lampu T8 Philip (TL8 *Essential* 28W/8401SL/40) yang ada di ruangan gelanggang tersebut. Jumlah lampu lampu T8 Philip (TL8 *Essential* 28W/8401SL/40 yang digunakan di ruangan tersebut adalah sebanyak 420 biji keseluruhan bagi menerangi gelanggang tersebut.

Rajah 3: Lampu T8 Philip LED.

3.3 Warna ruang bangunan.
Warna dinding ruangan ini adalah berwarna putih manakala bumbung ruangan ini berwarna gelap yang tidak dilengkapi dengan siling. Warna pada dinding ruangan ini merupakan warna yang dapat memantulkan cahaya yang baik (Randall McMullan 2012). Warna berkenaan akan dapat membantu menerangi ruang melalui pantulan cahaya lampu.

3.4 Pengukuran ruang bangunan.
Pengukuran terhadap bangunan ini diambil dalam meter persegi (m^2). Pengukuran dijalankan dengan mengambil panjang dan lebar bangunan, dan diukur dalam unit meter (m). Dimensi bangunan berkenaan berukuran 128 meter panjang dan 22 meter lebar dengan ketinggian aras lantai ke siling ialah 15meter. Keluasan bangunan adalah berukuran 2816m^2, dengan isipadu bangunan bersaiz 42240m^3. Saiz bukaan pintu berkeluasan diukur dengan jumlah keseluruhan ialah sebanyak 6.40m^2. Ketika pengujian dijalankan, kesemua bukaan seperti pintu ditutup agar cahaya semulajadi tidak dapat masuk dalam ruangan gelanggang.

3.5 Pengrekodan jam masa ketika bacaan diambil.
Jam masa direkodkan ketika bacaan diambil bagi setiap sesi pengujian, untuk mendapatkan julat waktu yang hampir sama bagi setiap minggu pengujian diadakan. Pengujian dijalankan pada waktu kelas kokurikulum pada jam 3 petang sehingga 5 petang yang diadakan di ruangan gelanggang tersebut yang digunakan oleh pelajar. Pengujian dijalankan dalam tempoh empat (4) minggu bermula pada 17 Mei 2023, 24 Mei 2023, 31 Mei 2023 dan 7 Jun 2023. Pengujian dijalankan dalam tempoh ini bagi mendapat bacaan yang tepat memandangkan terdapat pencahayaan luaran yang akan mempengaruhi bacaaan. Pencahayaan luaran dipengaruhi oleh faktor cuaca dimana pencahayaan semulajadi akan sedikit ketika cuaca mendung.

3.6 Bacaan diambil dalam ruangan.
Bacaan diambil dalam ruangan dengan mengambil kira bukaan yang tertutup bagi mendapatkan bacaan cahaya buatan yang tepat. Perkara ini bagi mengelakkan ralat bacaan yang mungkin berlaku jika bukaan dibuka disebabkan oleh cahaya semulajadi. Bacaan ketika lampu dihidupkan sepenuhnya merupakan bacaan jumlah pencahayaan buatan. Kedua-dua bacaan ini kemudiannya akan di analisa untuk mendapatkan bacaan dari lampu buatan sahaja.

3.7 Bacaan keputusan pengujian pencahayaan dalaman.

Bacaan diambil dalam keadaan lampu tertutup dan semua lampu terbuka. Bacaan diambil untuk pencahayaan semulajadi dan cahaya buatan. Angin akan mempengaruhi pergerakan bulu tangkis, bukaan seperti tingkap dan pintu perlulah ditutup. Fakor ini secara tidak langsung akan menghadkan cahaya semulajadi memasukki ruang gelanggang. Ketika menggunakan *lux meter*, pemerhatian perlu dilakukan pada sensor *lux meter*, sensor berkenaan hendaklah tidak dilindungi dengan apa-apa objek bagi mengelakkan ralat pada bacaan yang diperolehi. Bacaan perlu diambil sebanyak tiga (3) kali bagi mendapatkan bacaan purata untuk setiap titik.

3.8 Kaedah bacaan dilakukan.

Pengujian dijalankan di dalam bangunan dengan mengenal pasti titik bacaan yang akan diambil di dalam bangunan dengan merujuk kepada teknik pengukuran lapangan basket (Agityawan Ranga Manyurang 2022). Bacaan dalam ruangan tersebut diambil pada bahagian lantai gelanggang disebabkan oleh permainan pemain badminton memerlukan penglihatan yang jelas ketika berada di gelanggang. selain itu, ianya juga memenuhi etika mendapatkan bacaan pencahayaan bersadarkan *Chartered Institution of Building Services Engineers (CIBSE)*.

Bacaan diambil dalam bentuk grid di kawasan dalam gelanggang badminton dan sepak takraw. Hal ini bertujuan untuk memastikan kajian akan dilakukan pada tempat yang sama selama empat (4) minggu bacaan juga direkodkan. Sebanyak dua belas (12) titik bacaan dikenal pasti dan bacaan diambil dalam bentuk tiga (3) baris mendatar dan empat (4) baris menegak dengan 3meter ukuran selanya.

Rajah 4: Susun atur lampu kompleks sukan.

Rajah 5: *Gelanggang Badminton.*

3.9 *Work bench* (titik pengujian pengujian).

Pengujian di jalankan pada aras lantai gelanggang. Setiap titik bacaan data disusun dengan secara melintang dan mendatar. Ianya juga dilabelkan dalam 3 kumpulan iaitu:

a) Kumpulan pertama ialah pada barisan tepi dilabelkan dengan 1A, 1B dan 1C.
b) Kumpulan kedua ialah pada barisan tengah dilabelkan dengan 2A, 2B dan 2C.
c) Kumpulan ketiga ialah pada barisan tepi dilabelkan dengan 3A, 3B dan 3C.
d) Kumpulan keempat ialah pada barisan tepi dilabelkan dengan 4A, 4B dan 4C.



Rajah 6: Pelan susun atur lampu di dalam ruangan gelanggan



Rajah 7: Pelan titik pemerhatian bacaan cahaya

4. Keputusan

Bacaan diambil dalam keadaan lampu tertutup dan semua lampu terbuka. Bacaan diambil untuk pencahayaan semulajadi dan cahaya buatan sahaja yang akan diuji. Memandangkan permainan badminton memerlukan bukaan semua ditutup untuk mengelakkan angin, bukaan seperti pintu adalah perlu ditutup. Hal ini akan menghadkan kemasukkan pencayaan ke dalam dewan gelanggang. Pencahayaan buatan iaitu dari cahaya yang dikeluarkan oleh lampu-lampu yang terdapat dalam ruang dewan berkenaan. Bacaan diambil dalam jangka masa empat (4) minggu pengujian dijalankan. Ketika menggunakan *lux meter*, pemerhatian perlu dilakukan pada sensor *lux meter*, yang mana sensor berkenaan hendaklah tidak dilindungi dengan apa-apa

objek bagi mengelakkan ralat pada bacaan yang diperolehi. Bacaan perlu diambil sebanyak tiga (3) kali bagi mendapatkan bacaan purata untuk setiap titik.



Rajah 8: Kajian dijalankan di ruangan gelanggang badminton.

Jadual 1: Bacaan sebelum (pencahayaan semulajadi)

.

Bacaan	Minggu Pertama *(lux)*			Minggu Kedua *(lux)*			Minggu Ketiga *(lux)*			Minggu Keempat *(lux)*		
1	10	10	13	11	12	13	11	11	13	12	15	14
2	7	7	6	7	6	6	6	6	6	9	8	7
3	2	2	2	1	2	2	2	2	2	3	2	2
4	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	4	3

Merujuk kepada jadual 1, didapati bacaan yang paling tinggi adalah 15*lux* iaitu pada minggu keempat pada titik bacaan 1B. Manakala bacaan yang paling rendah ialah 1*lux* berada pada minggu kedua pada titik 3A.

Jadual 2: Bacaan selepas (jumlah pencahayaan semulajadi dan pencahayaan lampu).

Bacaan	Minggu Pertama *(lux)*			Minggu Kedua *(lux)*			Minggu Ketiga *(lux)*			Minggu Keempat *(lux)*		
1	111	152	130	105	150	131	113	151	131	115	155	138
2	116	150	127	114	151	127	115	149	127	118	152	131
3	151	192	163	149	193	164	153	194	164	156	200	166
4	142	162	142	143	161	143	145	161	144	148	168	146

Merujuk kepada jadual 2, didapati bacaan yang paling tinggi adalah 200*lux* iaitu pada minggu keempat pada titik bacaan 3B. Manakala bacaan yang paling rendah ialah 105*lux* berada pada minggu keempat pada titik 1A.

Jadual 3: Bacaan jumlah pencahayaan buatan

Bacaan	Minggu Pertama *(lux)*			Minggu Kedua *(lux)*			Minggu Ketiga *(lux)*			Minggu Keempat *(lux)*		
1	111	142	117	94	138	118	102	140	118	103	140	124
2	109	143	121	107	145	121	109	143	121	109	144	124
3	149	190	161	148	191	162	151	192	162	153	198	164
4	139	159	139	140	158	140	142	158	141	145	164	143

Merujuk kepada jadual 3, didapati bacaan yang paling tinggi adalah 198*lux* iaitu pada minggu keempat pada titik bacaan 3B. Manakala bacaan yang paling rendah ialah 94*lux* berada pada minggu keempat pada titik 1A.



Rajah 9: Graf bar bacaan jumlah pencahayaan *(lux)* sebelum (pencahayaan semulajadi).

Berdasarkan rajah 9, didapati pencahayaan semulajadi paling banyak masuk ke dalam ruang bengkel pada minggu ketiga kajian iaitu pada 19 Julai 2016 dan bacaan ini berlaku pada titik-titik melintang D. Berdasarkan graf plot didapati bacaan cahaya siang yang memasuki ruang adalah sekata pada semua titik bacaan. Bacaan adalah dalam julat 0*lux* hingga 50*lux* sahaja.



Rajah 10: Graf bar bacaan jumlah pencahayaan *(lux)* selepas (pencahayaan semulajadi dan pencahayaan buatan).

Berdasarkan rajah 10, didapati pencahayaan semulajadi dan buatan pada ruang kajian paling banyak diperolehi pada minggu keempat iaitu kajian yang dijalankan pada 26 Julai 2016 dan bacaan ini berlaku pada titik-titik melintang D. Berdasarkan graf plot didapati bacaan cahaya siang yang memasuki ruang adalah sekata pada semua titik bacaan. Bacaan adalah dalam julat 100*lux* hingga 300*lux*.



Rajah 11: Graf bar bacaan jumlah pencahayaan perbezaan selepas dan sebelum (pencahayaan buatan sahaja).

Berdasarkan rajah 11, didapati pencahayaan buatan pada ruang kajian paling banyak diperolehi pada minggu keempat iaitu kajian yang dijalankan pada 26 Julai 2016 dan bacaan ini berlaku pada titik-titik melintang D.



Rajah 12: Graf plot bacaan jumlah pencahayaan.

Berdasarkan analisa bacaan graf rajah 12, didapati plot pencahayaan menunjukkan bahawa taburan pencahayaan adalah tidak sekata. Plot pada graf menunjukkan pencahayaan lebih tinggi di bahagian tengah gelanggang. Manakala bacaan pada tepi bawah gelanggan menunjukkan pengurangan yang ketara. Faktor ini boleh menyebabkan pemain akan merasa kurang selesa dengan kadar pencahayaan yang tidak seimbang. Plot graf juga menunjukkan purata bacaan yang diperolehi adalah 150*lux*. Bacaan keputusan ini adalah kurang daripada 300*lux* seperti yang disyorkan oleh *Chartered Institution of Building Services* Engineers *(CIBSE)*. Oleh itu gelanggang ini tidak sesuai untuk diadakan pertandingan badminton.

5. Kesimpulan

Setelah semua ujian dijalankan pada hampir keseluruhan ruang gelanggang yang dikenalpasti, didapati bacaan secara keseluruhan adalah di antara 1*lux* sehingga kurang dari 300*lux*. Rujukan dilakukan terhadap jadual yang dikeluarkan oleh CIBCE untuk kategori gelanggang sukan badminton. Berdasarkan jadual ini, didapati jumlah pencahayaan minimum sepatutnya untuk gelanggang badminton yang adalah sebanyak 300*lux* bagi tujuan rekreasi. Manakala bagi tujuan pertandingan bacaannya memerlukan sehingga 1000*lux*. Data menunjukkan jumlah pencahayaan pada ruangan gelanggang dalam Kompleks Sukan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin adalah tidak menepati standard yang dikeluarkan oleh CIBSE. Ketinggian lampu adalah kurang sesuai untuk sukan badminton. Bilangan lampu juga adalah tidak mencukupi dengan jarak antaranya tidak sesuai, rujukan teori jarak maksimum lampu adalah perlu untuk mendapatkan pencahayaan yang lebih baik. Hasil kajian ini perlu dipanjangkan kepada Unit Pembangunan dan Penyelenggaraan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin untuk tujuan penambahbaikan. Penambahbaikkan yang dicadangkan adalah menambah lampu Philip LED T5 pada bahagian tepi setiap gelanggang. Lampu cadangan hendaklah di letakkan lebih rendah dari siling bangunan dengan penggunaan kabel dan motor secara boleh laras untuk mengangkat dan menurunkan lampu mengikut kesesuaian.

Rujukan

Chartered Institution of Building Services Engineers (CIBSE) (2015). *GVA/15 CIBSE Guide A: Environmental Design. Sports Lighting Design, Lighting Table 66-67.*

Randall McMullan, *Environmental Science in Building* (2012), Palgrave Macmillan. ISBN-10: 0230290809. Panduan Penting Rekabentuk Pencahayaan Bersepadu 6-8. *Artificial Lighting* 122-156. *Natural Lighting* 165-175.

Santa Maria Surabaya (2016), Optimasi Desain Pencahayaan Ruang Kelas SMA Evi Puspita Dewi, Dimensi Interior, ISSN: 1693-3532.Pencahayaan Ruang Kuliah, 81-82. https://repository.petra.ac.id/16526/1/dimensi_esa_1.pdf

C.P David. Ismail Haron (Translator) (1997), Pencahayaan edisi kelima. Penerbit UTM, Skudai, Johor Bahru. ISBN 983-52-0086-6. Rekabentuk Pencahayaan 32-36

Xiujuan Ding (2022), *Artificial Intelligence for Evaluation Decision-making in Modern Product Design, Creative Commons Attribution.*

Agityawan Ranga Manyurang (2022), Evaluasi Sistem Pencahayaan Dan Penggunaan Energi Listrik Pada Lampu Sorot di Gelanggang Olah Raga Kridosono Yogyakarta, Institut Teknologi Dirgantara Adisutjipto, Yogyakarta. Hasil dan Pembahasan 19-23

Syafiq Hadzir (2007) Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bernama (2013), Usaha Kerajaan Terengganu Atasi Masalah Lampu Limpah Stadium Dapat Pujian Peteh. M Star. https://www.mstar.com.my/sukan/2013/01/02/usaha-kerajaan-terengganu-atasi-masalah-lampu-limpah-stadium-dapat-pujian-peteh

Desmon Qwek (2017), Lampu Limpah Gelanggang Tenis Perlu Ubahsuai Segera. Utusan Borneo.https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo- sabah/

KEHARMONIAN NEGARA MALAYSIA MELALUI RUKUN NEGARA: TINJAUAN TERHADAP MAHASISWA POLITEKNIK UNGKU OMAR

Nurul Huda Afiqah Zambri[1], Yap Cai Fong[2], Nur Syazana Shamsuri[3], Nurul Izzah Emran[4], Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff[5]

[1,2,3,4,5]*Politeknik Ungku Omar, Perak, Malaysia*
[5]*a.fkrudin@gmail.com*

ARTICLE INFO

Article history:
Received
01 March 2024
Received in revised form
26 April 2024
Accepted
23 May 2024
Published online
15 June 2024

Keywords:
Rukun Negara;
Keharmonian;
Mahasiswa

ABSTRAK

Rukun Negara adalah manifesto falsafah negara yang telah ditetapkan selama bertahun-tahun. Ia bertujuan untuk memastikan masyarakat dari pelbagai kaum di negara ini hidup bersama dan bersatu padu. Artikel ini ditulis adalah untuk mengkaji tahap kesedaran tentang peranan Rukun Negara sebagai medium keharmonian di Malaysia dan keprihatinan dalam memastikan prinsip rukun negara terus relevan sebagai medium pembinaan dalam kalangan para pelajar Politeknik Ungku Omar (PUO). Kajian ini melibatkan 212 responden yang dipilih secara rawak. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dengan melihat data secara diskriptif iaitu kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Perisian digunakan untuk menganalisis keputusan kajian iaitu dengan menggunakan IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 25.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa keprihatinan pelajar PUO terhadap prinsip rukun negara dan tahap kesedaran para pelajar di PUO tentang peranan Rukun Negara sebagai medium keharmonian di Malaysia berada pada tahap yang sangat tinggi dengan keseluruhan min item melebihi 4.21. Ini jelas menunjukkan bahawa para pelajar di PUO menyedari akan peranan Rukun Negara dalam mengharmonikan hubungan masyarakat majmuk di Malaysia. Secara keseluruhannya, kajian ini adalah penting untuk meningkatkan pemahaman tentang kedudukan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam pengetahuan generasi yang akan memimpin negara pada masa hadapan. Kajian ini perlu dibuat secara meluas lagi di seluruh institusi di Malaysia supaya dapat mengenalpasti tahap kesedaran golongan muda terhadap prinsip Rukun Negara.

1. Pendahuluan

Rukun Negara ialah sebuah ideologi kebangsaan Malaysia yang semestinya perlu menjadi pegangan seluruh rakyat negara ini. Ia digagaskan antaranya apabila kerajaan mula sedar bahawa perpaduan rakyat merupakan asas kepada cita-cita ke arah pembentukan bangsa dan negara. Ia terdiri daripada set prinsip atau prinsip yang digunakan oleh masyarakat untuk menjalani kehidupan, dan ia merangkumi semua aspek kehidupan negara. Nilai-nilai sosial dan kenegaraan juga termasuk dalamnya. Dengan kata lain, Rukun Negara bertujuan untuk mewujudkan perpaduan kaum untuk kemakmuran dan keharmonian Malaysia.

Setahun sebelum kemerdekaan, 1956, kekacauan berlaku di Pulau Pinang semasa perayaan pemberian taraf bandaraya. Pertikaian yang sama turut berlaku di Pulau Pangkor pada tahun 1960, di Bukit Mertajam pada tahun 1966, dan sekali lagi di Pulau Pinang pada tahun 1967. Kekacauan ini berlaku secara kecil-kecilan. Kerajaan telah mengambil langkah tegas untuk mencari penyelesaian kepada isu ini supaya ia tidak berulang lagi. Berikutan itu Majlis Perundingan Negara telah ditubuhkan oleh Pengarah MAGERAN di bawah Undang-Undang Darurat yang diwartakan pada 29 Januari 1970. Allahyarham Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein, Pengarah MAGERAN, mengadakan mesyuarat pertama pada 27 Januari 1970. Majlis Perundingan Negara akhirnya mencapai kata sepakat bahawa ideologi yang boleh mengatasi perbezaan kaum perlu dibangunkan di negara ini selepas beberapa bulan perbincangan dan kajian mendalam. Berasaskan keputusan tersebut, maka lahirlah Rukun Negara yang telah diisytiharkan oleh yang di-Pertuan Agong Keempat, Al-Marhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Al-Marhum Sultan Zainal Abidin, pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun ke-13 kemerdekaan negara. Oleh itu, Mohammad Ghazali (1978) menyatakan bahawa Rukun Negara adalah panduan dan pegangan negara yang akan menyatukan rakyat dengan menyampaikan tanggapan, kepercayaan, dan keazaman rakyat Malaysia.

Pada asasnya, Rukun negara terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama membincangkan matlamat yang ingin dicapai oleh masyarakat Malaysia. Antara matlamatnya adalah untuk mewujudkan masyarakat yang lebih bersatu padu, mengekalkan sistem demokratik, mewujudkan masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dibahagikan secara saksama, dan membina sebuah masyarakat progresif yang menggunakan teknologi dan sains moden. Manakala bahagian kedua pula menggariskan lima prinsip rukun negara iaitu kepercayaan kepada tuhan, kesetiaan kepada raja dan negara, keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta kesopanan dan kesusilaan.

Menurut Abdul Rahman dan Muhamed Nor Azman (2008), kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum Malaysia terletak pada prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara. Lee dan Sarjit (2008) juga mencadangkan Rukun Negara sebagai asas untuk membina modal insan oleh semua pihak. Sudah tentu, Rukun Negara adalah suatu ideologi yang bertujuan untuk menyatukan kepercayaan pelbagai kaum dalam masyarakat negara ini. Selain itu, matlamat Rukun Negara juga perlu diterapkan dalam diri semua rakyat Malaysia untuk mewujudkan rakyat yang benar-benar patriotik dan mengekalkan kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan (Abdul Rahman, 2010).

Jelaslah bahawa penghayatan Rukun Negara adalah penting untuk membina negara yang rakyatnya bersatu padu dan liberal terhadap budaya lain. Rukun Negara merupakan ideologi yang dikongsi semua rakyat Malaysia dan mampu mewujudkan dan membina masyarakat yang demokratik, progresif dengan sains dan teknologi.

2. Tinjauan Literatur

Malaysia kerap dijadikan sebagai satu negara yang menunjukkan contoh dan suri teladan sebagai satu negara yang bersatu padu dan harmoni dek kerana kepelbagaian kaum, budaya, etnik, dan agama (Mohamed Ali et al. 2021). Walaupun begitu, adakalanya wujud persaingan, perbezaan dan konflik, tetapi disebabkan oleh kesepaduan sosial yang wujud sekian lama dalam diri masyarakat telahberjaya mengekalkan perpaduan dalam negara kita. Konsep rukun negara telah diisytiharkan oleh Almarhum Tuanku Ismail Nassiruddin Shah, Yang di-Pertuan Agong

Keempat pada Tarikh 31 Ogos 1970 bersempena dengan Hari Kemerdekaan ke-13. Rukun Negara yang terdiri daripada lima prinsip adalah hasil daripada garis panduan yang dibuat oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Terdapat banyak pencanggahan di dalam usaha untuk mewujudkan Rukun Negara, terutamanya apabila Tanah Melayu semakin hampir kepada kemerdekaan (Eddin Khoo, 2020). Tahap literasi, pemahaman dan penghayatan lima prinsip rukun negara oleh rakyat Malaysia terhadap kebebasan bersuara dalam rangkaian sosial tanpa had menjadi persoalan (Mohamed Ali et al. 2021). Ini juga termasuk dalam menangani isu sensitif antara etnik, tidak menghormati kerajaan dan sebagainya. Kunci bagi sebuah kejayaan perpaduan adalah bergantung pada rakyat yang mengambil tahu dan memahami tentang prinsip-prinsip dasar negara yang mencerminkan kepelbagaian. Oleh hal yang demikian, adalah sangat penting untuk mengekalkan nilai perpaduan dalam hati rakyat Malaysia agar tidak mensia-siakan pengorbanan para pejuang kemerdekaan kita sebelum ini.

Kajian Ahmad Zaharuddin et al. (2014), menyatakan nilai patriotisme yang semakin kurang dalam kalangan belia akan menimbulkan masalah-masalah sosial yang semakin kritikal. Sikap tidak menghormati rukun negara boleh dilihat apabila lagu kebangsaan negara iaitu “Negaraku” telah dihina (Sinar Harian, 30 september 2019). Antara jenis penghinaan ialah rentak dan lirik telah diubah dan telah dinyanyikan dalam Bahasa bukan kebangsaan dengan objektif utama untuk menghina negara. Ini jelas menunjukkan bahawa orang cuba mengingkari nilai dan autonomi Rukun Negara. Terdapat beberapa peristiwa sejak kebelakangan ini yang menunjukkan bahawa prinsip Rukun Negara seumpama tidak lagi penting dalam konteks kehidupan masyarakat dan telah dilupakan. Menjelang Hari Kebangsaan, perkara ini sering berlaku, contoh seperti isu mengibarkan bendera secara terbalik dengan sengaja, menukar jata negara dan bendera terbalik masih wujud dan semestinya adalah bertentangan dengan undang-undang negara.

Malaysia telah dikejutkan dengan satu kejadian dimana dapat dirakam melalui kamera litar tertutup (CCTV) yang menunjukan perbuatan dua orang Wanita yang telah dianggap sebagai dalang utama kerosakan mural barisan pemimpin negara di Taman Cahaya Alam, Seksyen U12. Rakaman video yang berdurasi dua minit dua puluh saat itu memaparkan sebuah kereta yang diletakkan di sebelah lorong lukisan mural sebelum muncul kelibat dua wanita tersebut melakukan kerosakan ataupun vandalisme terhadap mural itu. Sebelum beredar dari kawasan itu mereka menconteng kata-kata kesat di gambar pemimpin-pemimpin negara termasuklah Yang di-Pertuan Agong, Al Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Mural itu telah dihasilkan oleh tiga anak muda sebagai tanda untuk mengucapkan terima kasih kepada pemimpin negara, terutamanya mereka yang membantu menangani pandemik COVID-19 (Berita Harian Online, 20 Julai 2020). Perbuatan memuat naik juga digunakan untuk menghina institusi beraja paparan yang dipaparkan di laman Facebook. Ini dilakukan oleh pemilik Facebook "Sabah Sarawak Merdeka yang memuat naik gambar yang menghina Yang di-Pertuan Agong (Wan Amizah & Muhammad Adnan, 2017). Institusi diraja Malaysia jelas mempunyai kepentingan sama ada dalam nilai bangsa dan sejarahnya. Institusi Raja Berperlembagaan adalah penting dari segi roh kenegaraan kerana ia melindungi negara dan semua agama. Institusi ini memainkan peranan penting dalam memastikan kestabilan negara. Oleh itu, prinsipkedua Rukun Negara adalah penting untuk menghormati Raja. Kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara adalah sama seperti yang dinyatakan dalam Perkara 32 PertamaPerlembagaan Persekutuan (Mohd Sufiean Hassan, 2013).

Perlembagaan mesti menghormati dan melindungi rukun negara. dan perundangan. Walau bagaimanapun, situasi kontemporari yang berlaku secara tersurat atau tersirat ia menunjukkan

bahawa sesetengah rakyat Malaysia tidak menghormati Rukun Negara. Rasa tidak puas hati terhadap kedudukan politik dan pentadbiran tempatan membawa kepada sebilangan kecil rakyat Malaysia membuat kritikan yang tidak beretika tanpa mengambil kira kesan tindakan mereka ini. Malahan lebih buruk lagi apabila sebilangan besar rakyat Malaysia yang kini tinggal di luar negara dipengaruhi oleh permusuhan ini dan memburukkan kedudukan negara di arena antarabangsa. Tindakan ini adalah sangat tidak wajar dan tidak bertanggungjawab.

Menurut kepada beberapa isu yang disebutkan, jelaslah bahawa kajian tentang Rukun Negara sebagai alat untuk membina bangsa perlu dilihat dan dinilai semula dengan mengambil kira peristiwa yang telah berlaku dalam negara. Justeru itu membina negara dan membangunkan golongan muda ke arah berciri maju, progresif serta mengamalkan lima prinsip Rukun Negara adalah penting bagi meningkatkan kesedaran sivik agar generasi muda terutamanya golongan belia berasa bertanggungjawab terhadap tuntutan negara dan masyarakat.

Natijahnya, kajian ini dilaksanakan untuk melihat dengan lebih menyeluruh tahap kesedaran tentang peranan Rukun Negara sebagai medium keharmonian di Malaysia dan keprihatinan dalam memastikan prinsip rukun negara terus relevan sebagai medium pembinaan dalam kalangan para pelajar PUO. Hasil kajian dapat dijadikan panduan kepada mahasiswa, institusi pendidikan, badan-badan kerajaan untuk merangka perancangan bagi memantapkan segala aspek dan keperluan untuk meningkatkan nilai patriotisme dalam diri setiap pelajar.

3. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat berdasarkan objektif berikut:

i. Mengenalpasti tahap kesedaran para pelajar di PUO tentang peranan Rukun Negara sebagai medium keharmonian di Malaysia.

ii. Mengenalpasti tahap keprihatinan para pelajar di PUO dalam memastikan prinsip Rukun Negara terus relevan sebagai medium keharmonian bangsa di Malaysia.

4. Metodologi Kajian

Kajian tinjauan ini menggunakan kaedah kuantitatif. Menurut Sekaran dan Bougie (2009) kajian tinjauan lebih mudah, cepat dan tepat kerana banyak data boleh dikumpul dalam satu masa. Selain itu, kajian tinjauan sesuai untuk sampel yang menggambarkan populasi kajian. Kajian ini melibatkan 212 pelajar mahasiswa yang terdiri dari pelbagai jabatan di Politeknik Ungku Omar, 100 daripadanya lelaki dan 112 daripadanya perempuan.

Kajian oleh Mohamed Ali et. al (2021) dan Ayu Nor Azilah et. al (2021) telah digunakan sebagai sumber soal selidik yang diambil dan diubah suai. Salah satu kaedah berkesan untuk mendapatkan maklumat daripada responden ialah soal selidik, menurut Tuckman (1985). Soal selidik, menurut Mohd Majid (1990), boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Instrumen soal selidik terdiri daripada beberapa bahagian: bahagian A terdiri daripada 3 item mengenai demografi, bahagian B terdiri daripada 12 item mengenai tahap kesedaran mahasiswa tentang peranan rukun negara sebagai medium keharmonian di Malaysia, dan bahagian C terdiri daripada 12 item mengenai tahap keprihatinan mahasiswa dalam memastikan prinsip rukun negara terus relevan sebagai medium

pembinaan bangsa di Malaysia. Manakala nilai analisis reabiliti 0.937, ini menunjukkan instrumen yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang sangat baik.

Instrumen ditadbir secara dalam talian, dan pautan dihantar secara rawak kepada kumpulan pelajar. Setiap responden kajian memberikan respons pada masa yang sesuai. Proses pengumpulan data menggunakan rakan pengkaji di Politeknik Ungku Omar mengambil masa sebulan. Aplikasi IBM *Statistical Package for Social Science* SPSS, versi 25.0 digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh berdasarkan objektif kajian. Mohd Majid (1990) menyatakan bahawa program SPSS mempunyai keupayaan untuk menganalisis data dengan tepat dan bebas kesilapan. Data deskriptif dipaparkan menggunakan nombor dan peratus. Skala yang digunakan dalam instrumen adalah sekala kekerapan dan skalapersetujuan dan diperincikan dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1: Skala Kekerapan dan Persetujuan

Skor	Skala Kekerapan	Skala Persetujuan
1	Tidak Pernah	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Kerap	Tidak Setuju
3	Kurang Kerap	Tidak pasti
4	Kerap	Setuju
5	Sangat Kerap	Sangat Setuju

Pentafsiran tahap bagi nilai skor min yang diperoleh dari kajian deskriptif adalah berdasarkan jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Skala Interpretasi Nilai Skor Min

Nilai Skor Min	Tahap
1.00 – 1.80	Sangat rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat tinggi

Sumber: Green, Salkind dan Akey (1997)

5. Dapatan dan Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian dan perbincangan dapatan kajian dipaparkan berdasarkan persoalan kajian bermula dengan demografi kajian.

5.1 Demografi Kajian

Kajian ini disertai oleh 212 pelajar Politeknik Ungku Omar, dengan majoriti 112 perempuan (52.8%) dan selebihnya adalah lelaki. Pelajar Semester 3 paling ramai menyertai kajian iaitu 73 orang (34.4%), diikuti semester 1, 41 orang (19.3%) semester 5 (40 orang iaitu 18.9%), semester 4 (37 orang iaitu 17.5%), dan semester 2 (21 orang iaitu 9.9%).

Kajian ini melibatkan semua pelajar dari enam jabatan di Politeknik Ungku Omar. JKA, JP, JKE, JTMK, JKM, JKM dan JMSK adalah antara jabatan yang terlibat. 72 daripada pelajar

JKA (34%) menyertai kajian. Pelajar JKM adalah jabatan kedua yang paling ramai menyertai kajian, dengan 44 orang (20.8%).

Jadual 3: Demografi Kajian

Perkara	**Item**	**(N=212)**	**%**
Jantina	Lelaki	100	47.2
	Perempuan	112	52.8
Semester	Semester 1	41	19.3
	Semester 2	21	9.9
	Semester 3	73	34.4
	Semester 4	37	17.5
	Semester 5	40	18.9
Jabatan	JKA	72	34
	JP	37	17.5
	JKE	27	12.7
	JTMK	22	10.4
	JKM	44	20.8
	JMSK	10	4.7

5.2 Tahap kesedaran para pelajar di Politeknik Ungu Omar tentang peranan Rukun Negara sebagai medium keharmonian di Malaysia

Analisis deskriptif telah dilakukan untuk memenuhi objektif pertama iaitu, "Tahap kesedaran para pelajar di Politeknik Ungu Omar tentang peranan Rukun Negara sebagai medium keharmonian di Malaysia Skor min dan sisihan piawai (SP) telah digunakan, dan hasilnya boleh didapati dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Tahap Kesedaran Para Pelajar di PUO Tentang Peranan Rukun Negara Sebagai Medium keharmonian di Malaysia

Bil	**Item**	**Skala Persetujuan (Bilangan & Peratus)**					**Skor Min**	**SP**
		1	**2**	**3**	**4**	**5**		
1	Rakyat Malaysia hebat apabila memegang teguh prinsip RukunNegara.	-	-	7	32	173	4.78	0.22
		-	-	3.3%	15.1%	81.6%		
2	Rukun Negara dapat membina sebuah masyarakat progresif dan moden.	-	1	5	38	168	4.76	0.24
		-	0.5%	2.4%	17.9%	79.2%		
3	Prasangka terhadap seseorang warganegara atas alasan agamaadalah dilarang sama sekali.	-	3	11	26	172	4.73	0.27
		-	1.4%	5.2%	12.3%	81.1%		
4	Bangsa dan negara ini diwujudkan atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan.	-	-	8	29	175	4.79	0.21
		-	-	3.8%	13.7%	82.5%		
5	Warganegara Malaysia	-	-	2	28	182		

	hendaklah bersikap jujur, taat dan setia kepada Raja dan Negara	-	-	0.9%	13.2%	85.8%	4.85	0.15
6	Rakyat Malaysia tidak boleh memberi taat setia kepada negara lain.	2 0.9%	3 1.4%	10 4.7%	25 11.8%	172 81.1%	4.71	0.29
7	Setiap warganegara Malaysia bertanggungjawab mempertahankan Perlembagaan.	- -	- -	5 2.4%	28 13.2%	179 84.4%	4.82	0.18
8	Perlembagaan Persekutuan adalah kontrak sosial yang tidak boleh dipersoalkan.	- -	- -	9 4.2%	36 17%	167 78.8%	4.75	0.25
9	Hak sebagai warganegara bolehdigunakan dengan bebas asalkan tidak melanggar undang-undang.	1 0.5%	1 0.5%	6 2.8%	33 15.6%	171 80.7%	4.75	0.25
10	Kedaulatan undang-undang terjamin dengan adanya sebuahbadan kehakiman yang bebas.	4 1.9%	1 0.5%	11 5.2%	21 9.9%	175 82.5%	4.71	0.29
11	Setiap orang tidak boleh melanggar batas dan tatasusila.	- -	- -	1 0.5%	27 12.7%	184 86.8%	4.86	0.24
12	Kesopanan dan kesusilaan dapat menghalang perbuatan angkuh dan menyinggung perasaan golongan lain.	- -	- -	4 1.9%	27 12.7%	181 85.4%	4.83	0.17

Jadual 4 di atas menunjukkan taburan responden mengikut tahap kesedaran para pelajar di PUO tentang peranan Rukun Negara sebagai medium keharmonian di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesedaran para pelajar di PUO berada pada tahap sangat tinggi. Kajian mendapati daripada 12 item, terdapat 4 item berada pada tahap yang sangat memuaskan iaitu item 5,7,11,12. Skor min yang paling tinggi adalah pada item 11 iaitu 'Setiap orang tidak boleh melanggar batas dan tatasusila' (M=4.86; SP=0.24). Selain itu, item kedua tertinggi adalah item 5 iaitu 'Warganegara Malaysia hendaklah bersikap jujur, taat dan setia kepada Raja dan Negara' (M=4.85; SP=0.15). Seterusnya, item 7 dan 12 berada pada tahap yang tinngi iaitu 'Setiap warganegara Malaysia bertanggungjawab mempertahankan Perlembagaan' (M=4.82; SP=0.18) dan 'Kesopanan dan kesusilaan dapat menghalang perbuatan angkuh dan menyinggung perasaan golongan lain' (M=4.83; SP=0.17). Daripada dapatan kajian yang lepas, ia menunjukkan tahap kesedaran pelajar PUO lebih tinggi terhadap peranan Rukun Negara sebagai medium keharmonian di Malaysia. Hal ini kerana, dapatan kajian yang lepas menunjukkan nilai min dan sisihan piawai yang paling tinggi adalah (M=4.54; SP=0.56) manakala (M=4.86; SP=0.14) adalah yang paling tinggi bagi dapatan kajian yang dijalankan di PUO.

Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan kesedaran pelajar PUO terhadap Rukun Negara berada pada tahap yang sangat tinggi. Sehubungan itu, meningkatkan penghayatan terhadap Rukun Negara amatlah penting bagi mempertingkatkan peneguhan jati diri nasional dalam kalangan belia dan secara tidak langsung dapat mengelakkan diri daripada terpengaruh

dengan budaya barat ataupun kuasa asing. Menurut Ruhanie (2005), sikap, persepsi dan perilaku terhadap budaya barat boleh dipengaruhi secara tidak langsung oleh elemen negatif yang dibawa oleh neoimperialisme budaya. Kecelaruan identiti nasional dan salah laku boleh diatasi jika golongan muda hari ini menghayati sepenuhnya elemen Rukun Negara. Oleh itu, mempunyai kesedaran tentang Rukun Negara membantu membina jati diri nasional yang kukuh dan teguh serta memupuk semangat patriotisme.

5.3 Tahap Keprihatinan Mahasiswa di Politeknik Ungku Omar Dalam Memastikan Prinsip Rukun Negara Terus Relevan Sebagai Medium Keharmonian Bangsa

Analisis deskriptif telah dilakukan untuk memenuhi objektif kedua iaitu, "Mengenalpasti tahap keprihatinan para pelajar di Politeknik Ungku Omar dalam memastikan prinsip rukun negara terus relevan sebagai medium keharmonian bangsa di Malaysia." Skor min dan sisihan piawai (SP) telah digunakan, dan hasilnya boleh didapati dalam Jadual 5.

Jadual 5: Tahap Keprihatinan Mahasiswa di Politeknik Ungku Omar Dalam Memastikan Prinsip Rukun Negara Terus Relevan Sebagai Medium Keharmonian Bangsa

Bil	Item	Skala Persetujuan (Bilangan & Peratus)					Skor Min	SP
		1	2	3	4	5		
1	Ketiadaan agama boleh meruntuhkan kepribadian seseorang.	-	2	3	33	174	4.79	0.21
		-	0.9%	1.4%	15.6%	82.1%		
2	Kesopanan dan kesusilaan dapat mewujudkan masyarakatMalaysia yang harmoni dan bersatu padu.	-	-	2	34	176	4.82	0.18
		-	-	0.9%	16%	83%		
3	Agama merupakan tonggak kekuatan bangsa dan negara.	-	-	3	27	182	4.84	0.16
		-	-	1.4%	12.7%	85.8%		
4	Kesetiaan kepada Raja dan Negara dapat menyatupadukan semua kaum menjadi satu bangsa.	-	-	5	29	178	4.82	0.18
		-	-	2.4%	13.7%	84%		
5	Institusi Beraja merupakan lambang perpaduan rakyat Malaysia.	-	-	8	29	175	4.79	0.21
		-	-	3.8%	13.7%	82.5%		
6	Rukun Negara membentuk individu berdisiplin dan bermoral.	-	-	6	27	179	4.82	0.18
		-	-	2.8%	12.7%	84.4%		
7	Perlembagaan merupakan sumber rujukan berkaitan sistem pemerintahan, perundangan, kedudukan danhak sosioekonomi.	-	1	6	34	171	4.77	0.23
		-	0.5%	2.8%	16%	80.7%		
8	Rukun Negara menjadi formula untuk mengatasi masalah pergaduhan kaum	-	-	5	27	180	4.83	0.17
		-	-	2.4%	12.7%	84.9%		
9	Perlembagaan memberi hak dan keistimewaan kepada setiap warganegara.	-	-	2	33	177	4.83	0.17
		-	-	0.9%	15.6%	83.5%		

10	Rukun Negara merupakanidealogi nasional.	- -	- -	7 3.3%	31 14.6%	174 82.1%	4.79	0.21
11	Kedaulatan undang-undang menjamin hak kebebasan asasi semua warganegara.	- -	1 0.5%	3 1.4%	36 17%	172 81.1%	4.79	0.21
12	Perlembagaan memberi seseorang hak mengeluarkanidea, berhimpun dan menubuhkan persatuan	1 0.5%	1 0.5%	10 4.7%	29 13.7%	171 80.7%	4.74	0.26

Jadual 5 di atas menunjukkan taburan responden mengikut tahap keprihatinan para pelajar di PUO dalam memastikan prinsip Rukun Negara terus relevan sebagai medium pembinaan bangsa di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan tahap keprihatinan para pelajar di PUO berada pada tahap sangat tinggi. Kajian mendapati daripada 12 item, terdapat 6 item berada pada tahap yang sangat tinggi iaitu item 2, 3, 4, 6, 8, dan 9. Skor min tertinggi adalah bagi item 3 iaitu 'Agama merupakan tonggak kekuatan bangsa dan negara' (M=4.84; SP=0.16). Seterusnya, item kedua yang tertinggi adalah 8 dan 9 iaitu 'Rukun Negara menjadi formula untuk mengatasi masalah pergaduhan kaum' dan 'Perlembagaan memberi hak dan keistimewaan kepada setiap warganegara (M=4.83; SP=0.17). Jika dibandingkan dengankajian sebelumnya, pelajar PUO lebih prihatin untuk memastikan rukun negara kekal relevan di Malaysia. Hal ini kerana, dapatan kajian yang lepas menunjukkan nilai min dan sisihan piawai yang paling tinggi adalah (M=4.59; SP=0.66) manakala (M=4.84; SP=0.16) adalah yang paling tinggi bagi dapatan kajian yang dijalankan di PUO.

Secara keseluruhan, kajian menunjukkan bahawa generasi muda lebih memahami tujuan dan kepentingan Rukun Negara. Mereka juga membuktikan bahawa Rukun Negara bukanlah sekadar perkataan yang diucapkan dan dilafazkan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Lee dan Sarjit (2008), pembentukan Rukun Negara tidak begitu dihayati kerana keadaan semasa menunjukkan bahawa pelaksanaan Rukun Negara hanya disebut dalam perhimpunan. Oleh itu, pendedahan dan pembelajaran adalah dua komponen penting dalam membina pemahaman belia terhadap Rukun Negara. Belia yang memahami dengan jelas akan menerima tanggapan yang positif (Adlina, 2009). Oleh itu, peningkatan kefahaman dalam kalangan belia boleh memberi manfaat kepada negara.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini signifikan dan penting dalam mengkaji keprihatinan pelajar PUO terhadap peranan dan prinsip Rukun Negara bagi membina bangsa Malaysia yang harmoni. Oleh itu, tindakan yang berkesan untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mesti dilakukan secara konsisten. Kerana kerencaman komposisi rakyat Malaysia yang boleh menimbulkan prejudis, agenda ini harus diutamakan. Memahami dan mengambil berat terhadap prinsip Rukun Negaramempunyai keupayaan untuk mengukuhkan perpaduan rakyat dan mewujudkan masyarakat yang mempunyai matlamat yang sama.

Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa tahap kesedaran pelajar PUO tentang peranan dan prinsip Rukun Negara sebagai medium keharmonian di Malaysia adalah sangat tinggi dengan memperoleh keseluruhan nilai item min melebihi 4.21. Hasil ini jelas menunjukkan bahawa pelajar memahami matlamat Rukun Negara untuk mewujudkan perpaduan yang lebih kukuh dalam masyarakat. Selain itu, matlamat Rukun Negara adalah untuk mengekalkan cara

hidup demokratik dengan membina masyarakat yang adil untuk memastikan keuntungan negara dibahagikan secara adil.

Untuk meningkatkan kesedaran pelajar terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara, antara langkah yang efektif boleh diambil bagi memastikan pemahaman yang dan penghayatan yang mendalam terhadap Rukun Negara adalah program pendidikan yang khusus dan holistik perlu diperkenalkan di dalam sistem pendidikan negara. Ini melibatkan penerapan kurikulum yang mencakupi elemen-elemen tentang sejarah pembentukan Rukun Negara, serta aktiviti-aktiviti yang mempromosikan pemahaman yang mendalam mengenai makna dan kepentingan nilai-nilai seperti kesopanan, patriotisme, dan kepercayaan kepada Tuhan.

Penghargaan

Terima kasih kepada semua jabatan dan unit di Politeknik Ungku Omar yang terlibat dalam menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga kepada pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (BCT) sesi 1 2023/2024 yang turut menyumbang idea dan tenaga dalam kajian ini.

Rujukan

Abdul Rahman Abdul Aziz & Muhamed Nor Azman Nordin. (2008). Nilai-Budaya Ikatan-Sosial Masyarakat Malaysia Anjuran Lima Perdana Menteri Malaysia. Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Serantau Nilai dan Profesionalisme*.

Abdul Rahman Abdul Aziz. (2010). Rukun Negara dalam memperkukuhkan ketahanan negara. Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010).*

Adlina, A.H. (2009). *Pengetahuan Golongan Belia Terhadap Pendekatan Islam Hadhari.* Malaysian Journal of Youth Studies, 1:117-132.

Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, Abdul Rahman Abdul Aziz, Shahidan Shafie & Muhamed Nor Azman Nordin. (2014). *Kajian terhadap tahap patriotisme di kalangan belia Perak*. Laporan Akhir Kajian Berteraskan Bidang Keberhasilan Utama (KRA) Perak Amanjaya. Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Universiti Utara Malaysia, Kedah.

